

23

Pembinaan Kemahiran Bertutur Melalui Kaedah Penerapan Kosa Kota Secara Eksplisit

Sekolah Rendah Yio Chu Kang



Norhafizah Samsudin

norhafizah_samsudin@schools.gov.sg



Nazihah Bte Na'amsah

nazihah_naamsah@schools.gov.sg

Abstrak

Melalui kajian tidak formal berdasarkan analisis skor murid untuk ujian lisan di peringkat sekolah, pengkaji dapatkan murid sering tidak dapat menjawab soalan jenis perbualan dengan baik. Lantas, pengkaji merasakan bahawa penekanan pada aspek penerapan kosa kata yang sesuai dan tepat perlu dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur. Ekoran itu, satu kajian tindakan telah dijalankan bagi meninjau keberkesanan kaedah penerapan kosa kata secara eksplisit dalam membina kemahiran bertutur murid di peringkat Darjah 5 dan 6. Kajian bersifat kuasi-eksperimen dengan menggunakan reka bentuk praujian dan pascaujian tanpa kumpulan kawalan. Kajian ini juga menggabungkan penggunaan data kuantitatif dan kualitatif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa strategi yang digunakan telah meningkatkan kemahiran bertutur murid.

Kata Kunci: kemahiran bertutur, penerapan kosa kata, pengajaran eksplisit

PENGENALAN

Membina dan memperkasakan kemahiran bertutur dalam diri pelajar adalah penting demi membolehkan mereka untuk berkomunikasi secara efektif, selaras dengan matlamat sukanan pelajaran bahasa ibunda di Singapura. Pengajaran yang menggalakkan murid bertutur dengan baik dan berkesan, bukan sahaja dapat membina kemahiran bertutur tersebut, malahan dapat membina keyakinan murid apabila bertutur. Kajian ini bertujuan menyelidik kesan pengajaran yang menekankan pembinaan kemahiran bertutur melalui kaedah penerapan kosa kata secara eksplisit.

PERNYATAAN MASALAH

Kosa kata mempunyai peranan penting dalam pembelajaran bahasa. Bahkan, perhatian pada aspek kosa kata dalam pembelajaran bahasa akhir-akhir ini sudah semakin dititikberatkan oleh ramai pengkaji. Hal ini berlaku selaras dengan kaedah pembelajaran bahasa yang lebih cenderung dengan pendekatan komunikatif.

Seperti yang diketahui, murid Darjah 5 dan 6 perlu berinteraksi dan berkomunikasi secara lisan dengan pemeriksa semasa peperiksaan lisan pertengahan dan akhir tahun. Melalui pengamatan guru, murid menghadapi kesukaran untuk menyatakan pendapat mereka dengan yakin dan jelas. Hal ini disebabkan penguasaan kosa kata yang lemah. Seringkali, mereka mempunyai idea dan gagasan yang bernas tetapi gagal disampaikan kepada pemeriksa kerana keterbatasan penguasaan kosa kata.

Wilkins (Thornbury, 2002:13), menyatakan bahawa ‘tanpa tatabahasa, sangat sedikit yang boleh disampaikan’ sementara ‘tanpa kosa kata, tiada apa-apa yang boleh disampaikan’. Pengetahuan kosa kata yang amat terhad jelas menyebabkan murid bukan sahaja sukar untuk memahami orang lain, tetapi juga untuk menyampaikan idea mereka. Apabila mereka tidak menguasai dan memahami banyak kosa kata, ia akan menjadikan kebolehan mereka untuk bertutur secara efektif dalam situasi formal seperti semasa membuat pembentangan di hadapan khalayak dan juga semasa komponen perbualan dalam peperiksaan lisan. Masalah ini semakin meruncing kerana akan memberi kesan terhadap markah peperiksaan lisan murid. Walhal, markah peperiksaan lisan yang baik dapat membantu murid mencapai keputusan Bahasa Melayu yang cemerlang.

Pengkaji sedar akan perihal pentingnya bagi murid meluaskan pengetahuan kosa kata mereka dengan memperkenalkan pengajaran kosa kata secara eksplisit dan sistematik. Hal ini selaras dengan pernyataan Beck, McKeown dan Kucan (2002) bahawa pelajar harus diajarkan perkataan-perkataan tertentu dan strategi mempelajari kosa kata secara eksplisit untuk membolehkan kosa kata dikuasai secara sedar. Kajian mereka berjaya mengemukakan bahawa pengajaran kosa kata yang eksplisit, sistematik dan berulang dapat membantu pelajar mengenali dan menguasai pemahaman jumlah perkataan yang lebih banyak. Dengan itu, pelajar dapat memahami makna perkataan-perkataan itu dan penggunaannya dengan lebih berkesan.

TUJUAN KAJIAN

Secara umumnya, kajian tindakan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana penggunaan kaedah penerapan kosa kata secara eksplisit dapat membina kemahiran bertutur murid semasa berdialog dengan pemeriksa bagi komponen interaksi lisan.

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti sejauh mana kaedah pengajaran kosa kata yang eksplisit, sistematik dan berulang dapat memberi kesan ke atas prestasi murid; dan
2. meningkatkan pelibatan murid semasa berdialog secara aktif dan berkesan.

Berdasarkan tujuan kajian di atas, kajian ini diharap dapat menjawab soalan-soalan berikut:

1. Adakah pengajaran kosa kata secara eksplisit berkesan untuk membina kemahiran murid untuk bertutur dengan baik?
2. Adakah pakej lisan yang dibina untuk tujuan di atas dapat memperkasa kemahiran bertutur murid?
3. Adakah pencapaian murid untuk komponen lisan dapat ditingkatkan bagi komponen perbualan?

KAJIAN LEPAS

Kepentingan aspek pembinaan kemahiran kosa kata dapat dilihat kebenarannya melalui kajian-kajian lepas. Pengajaran yang tertumpu kepada penguasaan kosa kata untuk pembinaan kemahiran bertutur pelajar telah dikaji dari semasa ke semasa. Antaranya, ada yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara pengajaran yang tertumpu kepada penguasaan kosa kata yang eksplisit dengan kemahiran bertutur (Armbruster, 2001).

Satu kajian lain oleh Decarrico (2001) mengemukakan dapatan bahawa pembelajaran kosa kata secara eksplisit membolehkan pelajar untuk memperkaya kosa kata dan menyatukan pemahaman mereka terhadap kosa kata baharu dengan kosa kata yang sudah dikuasai yang akhirnya akan mendorong mereka menjadi pelajar yang berdikari.

Kajian yang dilakukan oleh Graves (2006) pula mendapati bahawa pengajaran kosa kata tertentu secara eksplisit akan membantu pelajar memahami konteks penggunaan perkataan tersebut. Suharso (2008) pula mengatakan bahawa pembelajaran kosa kata secara eksplisit itu penting bagi tujuan komunikasi, jelas daripada pernyataannya bahawa ‘jika seseorang mempelajari bahasa untuk kepentingan komunikasi, dia perlu menguasai kosa kata bahasa yang dipelajari secara memadai’.

Ini ditambah pula dengan kajian Wong dan Abdullah (2003) yang menyatakan bahawa pembelajaran kosa kata secara eksplisit itu penting dan berkesan kerana hal itu dapat meningkatkan perbendaharaan kosa kata seseorang.

Maka jelaslah daripada tinjauan literatur ini bahawa kajian tentang kepentingan mengajar kosa kata secara eksplisit ini bukanlah sesuatu yang baharu. Malahan, masih terdapat lagi banyak sebab yang mungkin mendorong sesuatu kajian ke atas pengajaran kosa kata ini dijalankan. Inilah yang membuat pengkaji terpanggil untuk melakukan kajian mengenai kaedah mengajarkan kosa kata secara eksplisit.

KAEDAH KAJIAN

Kajian kuasi-eksperimen ini menggunakan reka bentuk pra dan pascaujian tanpa kumpulan kawalan. Kajian ini menggabungkan kedua-dua data kuantitatif dan kualitatif.

Subjek Kajian

Kajian dijalankan ke atas 21 murid Darjah 6 dan 26 murid dari dua buah kelas Darjah 5. Pemilihan subjek kajian ini tidak dijalankan secara rawak, sebaliknya melibatkan kesemua murid daripada ketiga-tiga kelas yang dipilih. Kesemua subjek tergolong dalam kumpulan murid yang berkebolehan tinggi, sederhana dan lemah (*HA[High Ability]/MA[Medium Ability]/LA [Low Ability]*) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Tiada kumpulan kawalan yang terlibat.

Instrumen Kajian

Instrumen utama untuk kajian ini ialah ujian lisan yang tertumpu pada komponen perbualan, yang markah atau skornya dijadikan data untuk pra dan pascaujian. Lembaran-lembaran kerja semasa intervensi yang dijalankan pula tertumpu kepada aktiviti berkumpulan dan individu untuk meneka dan menjana kosa kata berkaitan tema dan isi video yang digunakan. Lembaran-lembaran kerja ini memerlukan murid untuk mengenal pasti juga kosa kata khusus berkaitan nilai sekolah, program dan aktiviti yang terdapat di sekolah mereka. Kebolehpercayaan instrumen untuk kajian ini walau bagaimanapun, tidak dapat disahkan memandangkan tiada ujian-ujian khusus yang telah dijalankan. Namun, beberapa faktor pemboleh ubah seperti nilai-nilai murni, tema dan program sekolah yang terdapat dalam video yang digunakan telah disetarakan sebaik mungkin.

Prosedur Kajian

Kajian telah dijalankan selama lima minggu dalam penggal 3 untuk Darjah 6 dan Penggal 4 untuk Darjah 5. Murid dalam kumpulan kajian telah melalui tiga sesi intervensi. Sesi ini berlangsung selama dua jam setiap minggu untuk tempoh tiga minggu. Semasa sesi intervensi, murid melalui aktiviti sumbang saran untuk meneka dan menjana kosa kata umum dan khusus mengikut tema yang terdapat dalam video yang ditonton, berlatih menggunakan kosa kata tersebut dalam ayat secara lisan untuk menjawab soalan-soalan perbualan

berdasarkan video. Ujian pra dan pascaujian bagi kemahiran bertutur telah diberi sebelum dan selepas program ini dilaksanakan. Ujian pascaujian merupakan peperiksaan lisan prelim bagi murid Darjah 6 dan peperiksaan akhir tahun bagi murid Darjah 5.

Setelah murid melaksanakan praujian, mereka telah diajar menggunakan dua kaedah utama, iaitu penggunaan Rutin Berfikir ‘Lihat-Fikir-Tanya (See-Think-Wonder) dan penekanan langsung terhadap tiga soalan rangsangan utama bagi komponen perbualan. Penggunaan Rutin Berfikir bertujuan mengasah ketajaman berfikir murid dengan membina kesedaran peri perlunya mereka sentiasa meneliti bahan visual yang diberikan dengan mengaktifkan daya pemikiran mereka. Rutin Berfikir ini membantu murid membiasakan diri mereka dengan proses meneliti bahan rangsangan dengan berfikir secara kritikal.

Satu tinjauan untuk mengkaji pandangan subjek terhadap aktiviti-aktiviti pengajaran yang digunakan dalam kajian ini telah dijalankan pada akhir kajian menerusi borang refleksi. Catatan refleksi murid ini menjadi bahan data kualitatif bagi kajian ini.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Data yang digunakan dalam kajian ini dikumpulkan daripada 2 sumber utama, iaitu skor praujian dan pascaujian dan catatan refleksi murid. Oleh itu, pengiraan statistik ‘*paired t-test*’ telah digunakan untuk memastikan keberkesanan kaedah pengajaran kosa kata secara eksplisit. Pengiraan statistik ‘*paired t-test*’ ini merupakan kaedah pengiraan statistik yang paling sesuai untuk digunakan dalam kajian ini memandangkan perlunya pengkaji membuat perbandingan antara dua set markah yang berupa praujian dan pascaujian.

Pengiraan statistik yang menggunakan formula ‘*paired t-test*’ ini memerlukan markah pra dan pascaujian diproses dengan tujuan untuk memperoleh hasil kiraan p yang sama atau kurang daripada 0.05 untuk membuktikan keberkesanan intervensi yang telah dilakukan. Hasil kiraan p ini jika sama atau kurang daripada 0.05 membuktikan bahawa subjek kajian telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Namun, jika hasil kiraan p ini adalah lebih daripada 0.05 ini bermakna, kajian itu menunjukkan tiada sebarang peningkatan yang ketara.

Berikut ialah hasil kiraan p yang diperoleh setelah markah bagi praujian dan pascaujian pelajar diproses menggunakan formula ‘paired t-test’:

Jadual 1: Hasil Kiraan Nilai p

| | |
|-----------------------|---------------|
| Kumpulan Darjah 5 (1) | $p = 0.00006$ |
| Kumpulan Darjah 5 (2) | $p = 0.00075$ |
| Kumpulan Darjah 6 | $p = 0.00070$ |
| Kumpulan Keseluruhan | $p = 0.00001$ |

Daripada dapatan statistik di atas, jelas menunjukkan bahawa kumpulan kajian yang melalui pengajaran kosa kata secara eksplisit telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Jelaslah, kumpulan kajian ini telah menunjukkan peningkatan yang sangat ketara, berdasarkan nilai p yang dihasilkan.

Catatan refleksi murid pula telah dibahagikan kepada 3 bahagian, iaitu 3 perkara yang mereka suka tentang pengajaran kosa kata itu, 2 perkara yang guru boleh perbaik tentang pengajaran kosa kata itu dan 1 perkara yang mereka telah pelajari dan akan ingat tentang cara-cara untuk menjana kosa kata berdasarkan video. Setelah dianalisis catatan-catatan murid, perkara-perkara yang ditimbulkan telah dikumpulkan dan disusun mengikut kekerapannya. Tiga tema utama bagi setiap bahagian itu telah dikumpulkan berdasarkan kekerapan diutarakan. Berikut merupakan tema-tema yang paling kerap timbul daripada respons refleksi murid:

Jadual 2: Tiga Perkara Yang Murid Suka Tentang Pengajaran Kosa Kata

| Kategori | Jumlah respons |
|---|----------------|
| Menarik | 35 |
| Mudah difahami | 38 |
| Saya tahu langkah-langkah untuk menjana kosa kata | 40 |

Dapatan daripada refleksi murid jelas menunjukkan bahawa terdapat ramai subjek yang suka kaedah pengajaran kosa kata secara eksplisit ini kerana mereka mendapatinya menarik dan tidak membosankan. Ini diikuti dengan dapatan bahawa ramai daripada mereka yang suka pada cara pengajaran kosa kata sebegini kerana mereka mudah memahami. Paling ramai subjek berpendapat yang sama dalam perkara ketiga, iaitu mereka mengatakan bahawa mereka kini tahu langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjana kosa kata.

Jadual 3: Dua Perkara yang Diperbaik

| Kategori | Jumlah respons |
|---|----------------|
| Adakan lebih banyak latihan menjana kosa kata | 40 |
| Beri kami lebih kuiz kosa kata (aktiviti susulan) | 26 |

Dapatkan selanjutnya menunjukkan ramai murid yang mahukan guru memberi mereka lebih banyak latihan seperti yang telah digunakan dalam kajian ini. Pendapat kedua paling banyak menunjukkan ramai murid yang mahukan guru memberikan mereka lebih banyak kuiz kosa kata yang merupakan aktiviti susulan.

Jadual 4: Satu Perkara yang Dipelajari dan akan Ingat tentang Cara-cara untuk Menjana Kosa Kata Berdasarkan Video

| Kategori | Jumlah respons |
|--|----------------|
| Kenal pasti tema=nilai utama dalam video | 39 |
| Kenal pasti kosa kata yang sesuai untuk tema=nilai utama video | 35 |
| Rajin menghafal nama-nama program dan aktiviti yang dianjurkan di peringkat sekolah dan masyarakat | 32 |

Dapatkan bagi bahagian terakhir amat berguna sebagai panduan kepada guru dan penyelidik untuk melihat sejauh mana pengajaran kosa kata itu telah dapat difahami dan dipraktikkan oleh murid. Umumnya, murid didapati kini lebih faham tentang perlunya mengenal pasti tema=nilai yang diutarakan dalam video. Ini diikuti pula dengan kesedaran mereka tentang pentingnya mengenal pasti kosa kata yang sesuai untuk tema=nilai utama video tersebut. Ketiga paling ramai subjek juga mengakui akan kepentingan sikap rajin berlatih menghafal nama-nama program dan aktiviti yang dianjurkan di peringkat sekolah dan masyarakat.

Dapatkan kajian yang positif ini memanglah amat dialu-alukan. Apatah lagi, dapatkan kualitatif juga menyokong dapanan kuantitatif itu. Namun, penyelidik akur bahawa mereka perlu juga meneliti aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas untuk memberikan nilai tambah yang bukan sahaja positif tetapi juga berkesan dan boleh bertahan untuk jangka panjang.

Sikap objektif dan kritis juga perlu untuk mengetengahkan perbincangan pascakajian yang terbuka dan adil. Lagipun, memang awal-awal lagi penyelidik telah pun mengetengahkan keterbatasan yang dilalui semasa menjalankan kajian. Oleh itu, perlulah diserlaskan di sini bahawa terdapat beberapa hal

yang mungkin menghambat kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini. Antara hal-hal tersebut termasuklahkekangan dalam proses pemilihan subjek dan pembentukan kumpulan kajian, instrumen kajian yang tidak melalui proses pengesahan statistik, dan jangka masa kajian yang agak singkat.

KESIMPULAN

Satu hal utama daripada kajian ini ialah dapatan bahawa kaedah pengajaran kosa kata secara eksplisit dengan aktiviti yang disediakan telah berjaya menghasilkan peningkatan markah yang sangat ketara untuk murid. Perkara ini jelas kelihatan daripada dapatan data secara kuantitatif.

Kaedah pengajaran kosa kata secara eksplisit untuk mempertingkatkan kemahiran murid jelas dapat dilihat daripada kebolehan murid dalam kumpulan kajian untuk berdialog dengan pemeriksa dengan lebih yakin dan tidak lagi teragak-agak. Oleh itu, usaha ini tidak haruslah berhenti setakat untuk tujuan kajian, malahan harus diluaskan pelaksanaannya pada kelas dan di peringkat yang lain.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Manisah Osman

RUJUKAN

- Beck I. L., McKeown M.G. & Kucan L. (2002). *Bringing Words to Life*. New York: The Guilford Press.
- Brown, H. D. 2001. *Teaching by Principles*. White Plain, NY: Addison Wesley Longman, Inc.
- Decarrico, J. S. 2001. *Vocabulary Learning and Teaching*. In Celce-Murcia, M. (Ed). *Teaching English as a Second and Foreign Language*. Boston: Heinle & Heinle.
- Hatch, E. & Brown, C. 1995. *Vocabulary, Semantics, and Language Education*. Cambridge: Cambridge University Press.

Hunt, Alan dan David Beglar. 2002. Current Research and Practise in Teaching Vocabulary. *Methodology in Language Teaching* (CUP). New York: Cambridge University Press. <https://studylibid.com/doc/986167/pembelajaran-kosakata> (nyatakan tarikh dipetik dari ‘website’ ini)